

# PRULink Dana Unggul

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melaburkan di dalam saham-saham berkualiti tinggi yang diluluskan oleh Shariah, yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Lazimnya melabur dalam portfolio yang terpelbagai yang terdiri daripada ekuiti dan sekuriti-sekuriti berkaitan-ekuiti yang patuh-Shariah yang rendah nilai dan mempunyai upaya yang baik untuk tumbuh.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b> Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang.</p> <p>Ketidakcekapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio. Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian mereka yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan mereka untuk memastikan sasaran penilaian dalaman kami boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, kami tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV ke dalam saham-saham berkualiti tinggi yang patuh-Shariah di Bursa Malaysia. Dana NAV yang lebih akan dilaburkan ke dalam aset cair patuh-Shariah.
Piawaian Prestasi	FTSE-Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMSHA) <i>Maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (860682-K)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada


Walaupun dana-dana melaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Shariah, pelan Insurance Berkaitan Pelaburan yang menggunakan dana-dana ini tidak dikelaskan sebagai produk patuh Syariah.

# PRULink Dana Unggul

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

PRULink Dana Unggul Vs. FTSE-Bursa Malaysia Emas Syariah Index (FBMSHA)



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Dana Unggul	Piawaian Prestasi FTSE-Bursa Malaysia Emas Syariah Index (FBMSHA)
2011	8.01%	2.41%
2012	15.11%	11.85%
2013	16.17%	13.29%
2014	-0.23%	-4.17%
2015	5.73%	2.35%
2016	-4.24%	-6.14%
2017	10.98%	10.72%
2018	-9.46%	-13.52%
2019	4.47%	3.84%
2020	13.10%	10.13%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

# PRULink Dana Unggul

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham
- (C) Risiko Pengkelasan-semula Status Shariah
- (D) Risiko Kecairan
- (E) Risiko Kadar Faedah
- (F) Risiko Negara
- (G) Risiko Tiada-Pematuhan
- (H) Risiko Penumpuan
- (I) Risiko Syarikat Pengurusan
- (J) Risiko Inflasi
- (K) Risiko Pengurus Pelaburan

## Pengurusan Risiko

### Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

### Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

# PRULink Dana Unggul

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur yang mencari nilai modal yang tinggi.</li><li>• Daya toleransi risiko tinggi.</li><li>• Pengalaman pelaburan dalam jangka masa sederhana ke panjang..</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana <b>PRULink</b> yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana <b>PRULink</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>